

Cara
***Yang
Tepat***



EMERSON[™]

Tatakelakuan Pekerja

September 2021

Tujuh Nilai Teras Emerson



Membimbing Cara Kita Beroperasi, Memacu Kejayaan Kita

Integriti

Kita tidak berkompromi terhadap tingkah laku jujur dan beretika kita, yang mewujudkan hubungan saling mempercayai antara satu sama lain, pelanggan, pembekal dan komuniti.

Keselamatan & Kualiti

Kita tidak berbelah bahagi dalam komitmen kita untuk mencapai taraf tertinggi dalam bidang keselamatan dan kualiti bagi diri kita sendiri serta pelanggan kita.

Menyokong Pekerja Kita

Kita menarik, mengembang dan mengekalkan pekerja yang luar biasa dalam persekitaran kerja yang inklusif, di mana semua pekerja boleh mencapai potensi tertinggi.

Tumpuan Pelanggan

Kita secara aktif mendengar pelanggan bagi memahami keperluan mereka dan memberikan penyelesaian yang unik bagi memastikan kejayaan mereka.

Penambahbaikan Yang Berterusan

Kita sentiasa berusaha untuk menambah baik semua aspek perniagaan kita, dibimbing oleh metrik, maklum balas dan proses pengurusan kita yang berdisiplin.

Kerjasama

Kita beroperasi dengan lancar merentasi geografi, pentas unit perniagaan dan fungsi kepakaran kita, yang tidak dapat ditandingi boleh memanfaatkan segalanya.

Inovasi

Kita mengejar teknologi, kemampuan dan pendekatan yang baru dengan penuh ghairah untuk memacu nilai yang ketara bagi pelanggan kita.

Isi Kandungan



Mesej daripada Ketua Pegawai Eksekutif kita	4	Berurus Jual-beli Secara Adil	14
Tatakelakuan Emerson	5	Anti-trust atau Anti-persaingan	14
Apakah Tatakelakuan?	6	Jual-beli Saham Menggunakan Maklumat Orang Dalam	15
Apakah yang perlu saya lakukan?	6	Pematuhan Perdagangan Antarabangsa	15
Di manakah Tatakelakuan perlu dipatuhi?	6	Pematuhan Imigresen	16
Bagaimanakah Tatakelakuan ini dibentuk dan dikekalkan?	7	Penggunaan E-mel	17
Bagaimanakah saya mengemukakan pertanyaan atau keraguan?	7	Keselamatan Teknologi Maklumat	17
Apakah yang berlaku apabila pertanyaan atau keraguan ditampikan?	8	Privasi dan Perlindungan Data	18
Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus	9	Kerahsiaan dan Harta Intelekt	19
Pemberian Hadiah atau Benda Lain yang Bernilai dan Rasuah	9	Perlindungan dan Penggunaan Aset Syarikat secara Wajar	19
Penerimaan Hadiah	10	Bercakap bagi Pihak Emerson	20
Kejujuran berkaitan dengan Rekod Kewangan, termasuk Laporan Perbelanjaan	11	Keselamatan dan Kesihatan	21
Konflik Kepentingan	12	Melindungi Alam Sekitar	21
Pengumpulan Maklumat tentang Pesaing-pesaing	13	Diskriminasi dan Gangguan	21
		Kepelbagaian dan Peluang Sama	22
		Cara Melaporkan Keraguan Etika atau Pelanggaran yang Disyaki	23

Mesej daripada Ketua Pegawai Eksekutif kita



Di Emerson, kita dipandu oleh tujuan yang sama: Kita memacu inovasi yang menjadikan dunia lebih sihat, lebih selamat, lebih bijak dan lebih mampan. Selaras dengan tujuan ini adalah komitmen dan kewajipan kita kepada semua pihak berkepentingan untuk melakukan sesuatu dengan cara yang betul. Itulah sebabnya Integriti adalah salah satu daripada nilai teras kita sebagai pekerja Emerson. Ia adalah asas kepada budaya syarikat dan tindakan harian kita.

Tatakelakuan serta program Etika dan Pematuhan kita membantu Emerson memastikan semua pekerja memahami perkara yang diharapkan daripada mereka dan memastikan kita mempunyai alat untuk meletakkan integriti di hadapan dalam semua perkara yang kita lakukan. Ini terpakai kepada semua orang di semua peringkat syarikat kita, sehinggalah kepada pemimpin kita yang paling kanan. Dan ini meliputi dedikasi kita untuk bertindak dengan cara yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan untuk memupuk tempat kerja yang menghormati individu, melarang keras diskriminasi atau gangguan, dan memupuk kepelbagaian, ekuiti dan keterangkuman.

Terdapat beberapa perkara yang perlu kita lakukan untuk melaksanakan komitmen ini.

- Semak Kod ini dan komited kepada tingkah laku, keputusan dan tindakan yang mematuhi.
- Sekiranya anda mempunyai kebimbangan tentang aktiviti tidak beretika atau menyalahi undang-undang, maklumkan perkara tersebut kepada pemimpin anda.
- Dan sekiranya anda mempunyai soalan tentang Tatakelakuan ini atau tingkah laku yang bersesuaian, jangan teragak-agak untuk bertanya atau mendapatkan bimbingan.

Kita semua mempunyai peranan penting dalam memastikan bahawa Emerson mewakili cita-cita etika dan integriti yang tertinggi – untuk satu sama lain dan pelanggan, industri dan dalam komuniti yang kita berkhidmat. Terima kasih atas komitmen berterusan anda kepada standard ini.

*Lal Karsanbhai
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
Emerson*



Tatakelakuan Emerson



Prinsip Pedoman untuk Pekerja

Dasar dan garis panduan yang khusus pada halaman-halaman berikut boleh diringkaskan kepada lima prinsip tingkah laku beretika yang berikut:



- > Patuhi undang-undang
- > Bersikap jujur
- > Hormati satu sama lain, pelanggan dan rakan kongsi kita
- > Bersikap setia dan lindungi reputasi syarikat
- > Pastikan keselamatan dan pemeliharaan alam sekitar membimbing keputusan dan tindakan anda

Setiap pekerja harus berwaspada dan menyuarakan apa-apa keraguan.

Apakah Tatakelakuan?

Integriti ialah salah satu nilai teras Emerson. Aktiviti yang tidak wajar atau menyalahi undang-undang tidak dapat diterima pada mana-mana peringkat atau di bawah apa-apa keadaan. Tatakelakuan kita menerangkan dasar korporat dan mengenalpasti pilihan-pilihan yang terbuka kepada pekerja supaya mereka sentiasa memahami tindakan yang wajar atau siapa yang harus mereka kemukakan apa-apa pertanyaan atau keraguan.

Apakah yang perlu saya lakukan?

Pertama sekali, kita memerlukan anda menyokong dan menggalakkan sepenuhnya komitmen kita kepada amalan perniagaan yang beretika. Sebagai sebahagian daripada itu, anda harus membaca dan membiasakan diri anda dengan dasar yang terkandung dalam Tatakelakuan ini. Jika anda mempunyai keraguan atau pertanyaan, anda harus mengemukakannya kepada salah satu daripada orang hubungan yang dinyatakan di bahagian akhir dokumen ini.

Di manakah Tatakelakuan perlu dipatuhi?

Ini merupakan Tatakelakuan global yang menetapkan standard asas bagi cara kita menjalankan perniagaan. Emerson menghendaki pegawai-pegawai, pengarah-pengarah dan pekerja-pekerjanya bertindak mengikut semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Emerson dan operasi perniagaannya pada bila-bila masa. Apabila undang-undang tempatan menetapkan standard yang lebih tinggi, undang-undang tempatan tersebut akan dipatuhi. Lebih lagi, peraturan dan dasar tempatan yang tersedia bagi setiap unit perniagaan Emerson juga ditambah keatas peraturan dan standard umum yang tersebut. Apabila undang-undang buruh dan pekerjaan tempatan bercanggah dengan tatakelakuan ini, peraturan kerja tempatan, perjanjian pekerjaan dan undang-undang akan menentukan tingkah laku dan disiplin pekerja. Dalam situasi tersebut, Tatakelakuan ini berperanan sebagai makluman sahaja.



Apakah Tatakelakuan?



Semua komponen ini mewujudkan program etika yang kukuh dan budaya pematuhan di Emerson.

Bagaimanakah Tatakelakuan ini dibentuk dan dikekalkan?

Tatakelakuan ini adalah sebahagian daripada program Etika dan Pematuhan Emerson yang direkabentuk untuk memaklumkan pegawai-pegawai, pengarah-pengarah, pekerja-pekerja, pembekal-pembekal dan pihak-pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Emerson tentang tingkah laku peribadi dan perniagaan global Emerson yang dikehendaki dan untuk memastikan pematuhan kepada kehendak ini.

Selain Tatakelakuan ini, program tersebut memastikan:

- Kepimpinan dan sokongan daripada semua peringkat pengurusan
- Kesesuaian pekerja dan sumber untuk memastikan program berfungsi dengan berkesan

- Komunikasi dan pendidikan yang berterusan
- Semakan dan imbangan
- Pemantauan dan pengauditan
- Tindakan yang sewajarnya terhadap isu dan kebimbangan
- Tiada tindakanbalas terhadap sesiapa yang menimbulkan persoalan

Semua komponen ini mewujudkan program etika yang kukuh dan budaya pematuhan di Emerson.

Bagaimanakah saya mengemukakan pertanyaan atau keraguan?

Sesiapa sahaja yang mempunyai pertanyaan atau keraguan boleh menghubungi salah seorang individu yang berikut atau anda boleh menghubungi talian hotline global Emerson (melalui serahan jaringan

portal atau melalui telefon), manamana satu pendekatan yang lebih berkesan dan selesa bagi anda:

- Penyelia atau pengurus anda
- Wakil jabatan sumber manusia
- Ketua Pegawai Pematuhan Emerson
- Peguam Emerson
- Pegawai etika unit perniagaan atau pegawai etika yang dikenal pasti di papan buletin dan notis Internet
- Talian hotline global, sama ada melalui panggilan telefon ke nombor yang disenaraikan pada papan buletin di fasilitas Emerson atau melalui jaringan portal di emersoncompliance.com

Anda boleh berkomunikasi secara tanpa nama jika anda mahu, tetapi adalah sangat penting untuk anda memberikan seberapa banyak fakta-fakta, butiran-butiran, saksi-saksi dan dokumen-dokumen yang boleh.

Apakah Tatakelakuan?



Apakah yang berlaku apabila pertanyaan atau keraguan ditampikan?

Apabila sesuatu isu dikemukakan, siasatan yang sesuai dengan sifat isu tersebut akan dimulakan. Jika tingkah laku yang tidak wajar atau masalah lain dikenalpasti, tindakan yang sewajarnya akan diambil termasuk latihan, kaunseling, amaran atau penamatan pekerjaan. Semua pekerja dikehendaki bekerjasama dalam siasatan. Apa-apa percubaan untuk mengganggu siasatan melalui cara mengugut penyiasat-penyiasat menyembunyikan atau memusnahkan bukti atau menyebabkan orang lain berbuat demikian merupakan pelanggaran peraturan yang serius dan akan mengakibatkan tindakan disiplin di bawah peraturan dan undang-undang tempatan, termasuk penamatan pekerjaan.

Tiada tindakan balas akan dibenarkan kerana menampilkan keraguan atau membuat tuduhan terjadinya pelanggaran program.



Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



Pemberian Hadiah atau Benda Lain yang Bernilai dan Rasuah

Pemberian hadiah yang kecil untuk mewujudkan perasaan muhibah ialah perkara yang biasa dalam menjalani perniagaan. Tetapi sebelum anda memberikan hadiah walaupun kecil kepada pelanggan, ketahui dulu apa yang dibenarkan oleh pelanggan kita dan undang-undang tempatan. Dalam kebanyakan situasi, terdapat dasar atau undang-undang yang tegas terhadap penerimaan sebarang bentuk hadiah atau benda yang bernilai, terutamanya bagi pekerja-pekerja kerajaan. Jadi, pastikan anda memahami undang-undang yang berkaitan, budaya dan dasar pelanggan kita sebelum memberikan hadiah.

Pemberian hadiah atau benda lain yang bernilai untuk mempengaruhi keputusan perniagaan secara haram adalah rasuah dan ini melanggar undang-undang. Definisi rasuah juga merangkumi tindakan seperti pemberian pekerjaan kepada saudara-mara pegawai kerajaan untuk meningkatkan jualan atau mendapatkan sesuatu yang bernilai. Rasuah boleh mengakibatkan tindakan sivil dan jenayah dikenakan terhadap individu yang terbabit dan juga majikan mereka, termasuk denda yang tinggi atau hukuman penjara. Rasuah jika diberikan melalui pihak ketiga, seperti pengedar atau ejen, tidak akan meringankan kesalahan atau pun dapat diterima. Pelanggaran undang-undang rasuah mungkin boleh terjadi dalam situasi yang kita sendiri tidak melakukan rasuah ataupun mengetahui rasuah dilakukan, tetapi sepatutnya sedar akan rasuah itu dilakukan oleh pihak ketiga (seperti pengedar) berdasarkan keadaan. Dengan kata lain, rasuah ialah pendekatan yang tidak dapat diterima bagi Emerson atau pekerjanya.



Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



Jika anda tidak pasti bahawa hadiah adalah sah atau sesuai, sila minta bimbingan daripada penyelia atau pegawai etika anda.

Benda yang sesuai sebagai hadiah amat berbeza mengikut keadaan, tetapi sangat penting bagi kita mengelakkan kewujudan tingkah laku yang tidak wajar. Emerson melarang pemberian wang tunai, kad atau baucar hadiah atau hadiah yang mungkin kelihatan mewah atau hadiah yang tidak sesuai di dalam keadaan itu. Jika anda tidak pasti bahawa hadiah adalah sah atau sesuai, sila minta bimbingan daripada penyelia atau pegawai etika anda.

Kita perlu betul-betul teliti dengan bayaran untuk kos perjalanan bagi pegawai asing. Bayaran sedemikian hendaklah diluluskan oleh peguam Emerson terlebih dahulu. Bayaran ini hendaklah sah di sisi undang-undang dan berkaitan secara langsung dengan promosi, demonstrasi, penerangan tentang produk atau perkhidmatan, pelaksanaan atau penyempurnaan

kontrak. Terdapat juga cara dan prosedur yang tertentu untuk membuat bayaran sedemikian dan dalam sesetengah keadaan had bayaran ditetapkan. Sentiasa rujuk kepada peguam Emerson sebelum bersetuju untuk membuat apa-apa bayaran sedemikian.

Penerimaan Hadiah

Prinsip yang sama bagi pemberian hadiah digunakan untuk penerimaan hadiah. Permintaan atau penerimaan wang, hadiah atau benda yang bernilai supaya perniagaan diberikan kepada pembekal, wakil jualan atau pengedar, atau apa-apa tukaran nilai yang tak wajar adalah dipanggil sogokan (“kickback”); atau rasuah dari perspektif pembekal. Penerimaan hadiah kecil yang bertujuan untuk

mewujudkan perasaan muhibah dapat diterima, tetapi Emerson tidak mahu pekerja-pekerjanya meminta hadiah atau apa-apa sahaja yang bernilai supaya perniagaan diberikan kepada pembekal atau pihak ketiga lain atau di bawah apa-apa keadaan lain.

Jika anda tidak tahu sama ada anda harus menerima hadiah, sila tanya pengurus anda, pegawai etika unit perniagaan anda atau peguam Emerson. Jika timbulnya situasi dimana keanggan menerima hadiah mungkin menyinggung perasaan dari segi budaya dan nilai hadiah tersebut adalah tinggi, bincangkan situasi itu dengan pengurus anda atau pegawai etika unit perniagaan anda. Mereka akan membantu menentukan cara yang terbaik untuk melindungi anda dan syarikat daripada kewujudan apa-apa kelakuan yang tidak wajar.

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus




Sentiasa patuhi undang-undang dan prinsip perakaunan yang diterima umum.

Kejujuran berkaitan dengan Rekod Kewangan, termasuk Laporan Perbelanjaan

Pemegang-pemegang saham, pelanggan-pelanggan dan rakan-rakan kongsi kita bergantung pada kita untuk merekodkan dan melaporkan maklumat kewangan yang tepat dan kita mempunyai kewajipan undang-undang untuk berbuat demikian. Jangan sesekali menyalahgambarkan rekod kewangan atau prestasi operasi. Jangan sesekali memasukkan maklumat ke dalam buku atau rekod syarikat yang menyembunyikan, menipu atau menyamarkan sifat sebenar apa-apa transaksi, hasil atau imbalan. Dan jangan sesekali menyalahgambarkan atau memalsukan rekod kewangan untuk membuatkan diri anda atau syarikat kelihatan lebih baik. Sentiasa patuhi undang-undang dan prinsip perakaunan yang diterima umum.

Peraturan ini tidak hanya perlu dipatuhi oleh mereka yang bertugas dalam kewangan atau perakaunan. Kita semua hendaklah bersikap jujur apabila ia melibatkan rekod kewangan seperti laporan perbelanjaan, rekod masa atau dokumentasi transaksi jualan. Pemalsuan laporan perbelanjaan, walaupun jumlah wang yang sedikit, ialah penipuan dan pencurian – dan ia akan mengakibatkan tindakan disiplin yang boleh termasuk penamatan pekerjaan ataupun pendakwaan jenayah. Percubaan untuk menyokong laporan perbelanjaan dengan resit yang tidak menggambarkan rekod transaksi yang tepat dan sah juga merupakan penipuan dan tidak akan diterima.



Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan boleh berlaku apabila kepentingan peribadi anda bercampur atau kelihatan bercampur dengan kepentingan Emerson atau mewujudkan situasi yang anda atau seseorang yang anda kenali boleh mendapat untung sambil menjejaskan Emerson. Contohnya, konflik kepentingan yang jelas akan berlaku apabila anda bersetuju bagi pihak Emerson untuk membeli bekalan dan membayar lebih daripada yang sepatutnya daripada perniagaan lain yang dimiliki seluruhnya atau sebahagiannya oleh anda atau rakan atau saudara anda.

Emerson melarang pegawai-pegawai, pengarah-pengarah dan pekerja-pekerjanya daripada mempunyai kepentingan, perniagaan atau kewangan peribadi yang bertentangan dengan kesetiaan dan tanggungjawab mereka kepada syarikat kita.

Jika anda atau ahli keluarga terdekat anda memperoleh kelebihan atau kepentingan kewangan dalam harta tanah, hak paten, sekuriti, peluang keuntungan atau hak atau harta lain yang timbul daripada atau berkait secara langsung dengan pekerjaan anda dengan Emerson, anda hendaklah mendedahkan situasi tersebut kepada syarikat.

Sebagai pekerja Emerson, anda tidak boleh menerima jawatan sebagai pengarah atau perunding bagi perniagaan lain tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada presiden unit perniagaan anda. Pekerja-pekerja pejabat korporat Emerson Electric Co. hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pegawai Eksekutif atau Jawatankuasa Etika.

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



**Penting
untuk anda
mendedahkan
apa-apa konflik
kepentingan
yang mungkin
untuk
melindungi diri
anda daripada
kelihatan
melakukan
kelakuan yang
tidak wajar.**

Pendekatan kita kepada konflik kepentingan melindungi anda dan juga Emerson. Jadi ia penting untuk anda mendedahkan apa-apa konflik kepentingan yang mungkin untuk melindungi diri anda daripada kelihatan melakukan kelakuan yang tidak wajar. Anda harus mendedahkan situasi-situasi ini apabila sahaja ia timbul dan juga di dalam soal selidik konflik kepentingan tahunan syarikat kita.

Emerson menghendaki pegawai-pegawai, pengarah-pengarah dan pekerja-pekerjanya mendedahkan situasi di mana kepentingan peribadi dan kesetiaan mereka kepada Emerson mungkin bergabung supaya kita boleh membuat penyesuaian atau mengadakan kawalan untuk mengelakkan apa-apa masalah atau tanggapan. Misalnya, apabila anda mendedahkan konflik kepentingan yang mungkin dalam senario pilihan pembekal, Emerson mungkin hanya memerlukan pekerja yang lain untuk membuat pilihan pembekal yang sama

untuk menyingkirkan apa-apa konflik kepentingan atau tanggapan dalam transaksi tersebut.

Kegagalan untuk mendedahkan konflik kepentingan yang mungkin itu sendiri merupakan pelanggaran dasar dan peraturan syarikat yang serius. Seperti kebanyakan hal lain dalam Tatakelakuan kita, apabila berasa ragu-ragu, minta nasihat daripada penyelia anda atau sumber lain yang dikenal pasti dalam buku ini.

Pengumpulan Maklumat tentang Pesaing-pesaing

Dalam pasaran global kita yang kompetitif, kita perlu mengumpulkan seberapa banyak maklumat yang boleh tentang pesaing-pesaing. Tetapi kita perlu melakukannya tanpa melanggar undang-undang atau melanggar obligasi kontrak kita secara langsung

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus

atau tidak langsung. Walaupun pengumpulan maklumat yang tersedia kepada orang awam sentiasa dibenarkan, pemerolehan maklumat sulit melalui komunikasi terus dengan pesaing-pesaing tidak dibenarkan.

Pemerolehan maklumat daripada bekas pekerja pesaing adalah dibenarkan, tetapi maklumat ini tidak harus merangkumi rahsia perdagangan atau apa-apa maklumat yang dilindungi oleh perjanjian kerahsiaan atau undang-undang. Anda harus meminta nasihat daripada penyelia anda atau sumber lain yang dikenalpasti dalam Tatakelakuan ini sebelum mendapatkan apa-apa maklumat yang berkemungkinan tergolong di bawah kategori larangan ini.

Berurus Jual-beli Secara Adil

Setiap pekerja, pegawai dan pengarah Emerson harus berikhtiar

untuk berurus secara adil dengan pelanggan-pelanggan, pembekal-pembekal, pesaing-pesaing dan pekerja-pekerja Emerson dan tidak akan mengambil kesempatan yang tidak adil terhadap sesiapa sahaja melalui manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat istimewa, gambaran yang salah tentang fakta penting atau apa-apa amalan lain yang tidak adil.

Anti-trust atau Anti-persaingan

Undang-undang Anti-trust atau kadangkala dikenali sebagai undang-undang anti-persaingan boleh mengenakan penalti terhadap tingkah laku anti-persaingan seperti bersetuju dengan pesaing-pesaing untuk menetapkan harga, memanipulasi bida, membahagikan wilayah jualan atau berkongsi maklumat tertentu. Pekerja-pekerja yang berpeluang untuk berinteraksi dengan pesaing-



pesaing akan menerima latihan yang lebih terperinci dalam hal ini secara berterusan. Jika anda tidak pasti tentang situasi yang melibatkan pesaing atau harga produk kita, minta nasihat guaman sebelum meneruskannya.

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



Jual-beli Saham Menggunakan Maklumat Orang Dalam

Anda tidak boleh membeli atau menjual saham syarikat atau sekuriti lain apabila anda tahu maklumat penting yang tidak diumumkan tentang syarikat tersebut. Prinsip ini dipatuhi oleh Emerson atau mana-mana syarikat awam yang lain dan ini termasuk jual-beli oleh orang lain yang anda kongsi apa-apa maklumat penting. Contoh maklumat penting dalaman sebegini termasuk maklumat tentang pemerolehan atau pelupusan, pelbagai data kewangan, pertukaran jawatan pengurusan yang penting, litigasi besar, kontrak besar atau siasatan kerajaan. Jika anda memiliki maklumat dalaman dan anda jual-beli saham, pihak penguatkuasa undang-undang akan menganggap jual-beli tersebut dilakukan kerana maklumat dalaman itu. Penguatkuasa undang-undang mempunyai teknik yang canggih untuk mengenalpasti orang yang berjual-beli menggunakan maklumat dalaman dan akibatnya boleh termasuk hukuman penjara. Apabila berasa ragu-ragu, jangan jual-beli.

Pematuhan Perdagangan Antarabangsa

Pematuhan perdagangan ialah salah satu bahagian pematuhan undang-undang paling rumit dan teknikal Emerson. Pada peringkat paling asasnya, pematuhan perdagangan bermaksud mematuhi kawalan kerajaan berhubung dengan pengiriman, penghantaran atau penyerahan barangan, teknologi, perisian dan perkhidmatan (“barangan”) dari sebuah negara ke negara lain. Anda perlu mengetahui sama ada barangan yang terlibat dengan anda adalah terkawal dan jika ya, sama ada barangan itu

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



Kiriman setengah-setengah produk ke negara-negara tertentu boleh menyalahi undang-undang.

dibenarkan untuk dikirim, dihantar atau “dikongsi” dengan pihak lain. Berkongsi atau mengirim barangan terkawal dengan warganegara tertentu atau ke negara-negara tertentu boleh memerlukan lesen khas atau mungkin dilarang sama sekali dan kiriman setengah-setengah produk ke negara-negara tertentu boleh menyalahi undang-undang.

Setiap unit perniagaan Emerson mempunyai pegawai pematuhan perdagangan dan setiap tapak kerja harus mempunyai penyelaras pematuhan perdagangan terlatih dalam bahagian undang-undang ini. Pastikan anda tahu peraturan yang perlu dipatuhi terhadap barangan yang anda kendalikan, patuhi peraturan tersebut dengan tegas dalam semua keadaan dan seperti aspek lain dalam program etika dan pematuhan, apabila berasa ragu-ragu minta bimbingan daripada pengurus anda atau sumber lain yang

dikenalpasti dalam buku ini apabila berasa ragu-ragu.

Sekatan dan embargo yang dikenakan oleh kerajaan nasional ialah isu perdagangan yang kita kadangkala hadapi dalam perniagaan kita. Sesetengah undang-undang yang berkaitan menghendaki kita mematuhi sekatan dan embargo, sementara yang lain melarang kita daripada menyertainya. Semua transaksi yang melibatkan negara yang dikenakan sekatan atau embargo harus dikaji semula dan diluluskan oleh pengurus pematuhan perdagangan anda dengan mendapatkan nasihat guaman seperti yang diperlukan.

Pematuhan Imigresen

Tanpa pengecualian, Emerson menghendaki pematuhan yang tegas kepada semua undang-undang imigresen. Pekerja-pekerja yang

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



Sentiasa ingat bahawa e-mel adalah rekod perniagaan.

membuat perjalanan dan bekerja di bawah visa atau permit kerja yang salah tidak dapat diterima, dan pengisian maklumat yang palsu biasanya merupakan kesalahan yang boleh mengakibatkan tuduhan jenayah dan tindakan tidak mengeluarkan visa dan permit kerja pada masa hadapan.

Undang-undang imigresen boleh mengelirukan. Untuk melindungi diri anda dan syarikat kita, pastikan anda mendapatkan nasihat guaman daripada pakar imigresen tentang cara untuk mematuhi sepenuhnya undang-undang yang berkaitan dengan situasi anda.

Penggunaan E-mel

Unit perniagaan Emerson masing-masing mempunyai dasar yang khusus tentang penggunaan e-mel, tetapi beberapa prinsip dan garis panduan global digunakan di seluruh syarikat. Pertama sekali, Emerson menyediakan sistem e-melnya untuk tujuan perniagaan, bukan untuk hal peribadi. Seseengah unit perniagaan mungkin membenarkan penggunaan e-mel untuk tujuan peribadi yang terhad, seseengah mungkin tidak, tetapi sistem IT kita, termasuk e-mel, adalah bertujuan untuk komunikasi perniagaan.

Sentiasa ingat bahawa e-mel adalah rekod perniagaan. Anda tidak harus menghantar e-mel yang akan memalukan anda sendiri atau syarikat jika ia menjadi umum. E-mel tidak harus digunakan untuk berbalah. Menyelesaikan isu melalui telefon atau secara bersemuka sentiasa

merupakan cara yang lebih baik untuk menyelesaikan perselisihan. Akhir sekali, jangan hantar e-mel semasa sedang marah kerana ia boleh membuatkan anda dan juga Emerson kelihatan tidak profesional.

Keselamatan Teknologi Maklumat

Sama seperti kebanyakan syarikat besar yang lain, pelbagai kumpulan penjenayah malahan agensi perisikan tajaan kerajaan cuba menceroboh masuk ke dalam sistem IT Emerson beribu-ribu kali setiap hari. Serangan ini kerap dalam bentuk e-mel “pemancingan data” (“phishing e-mail”). Sebagai pekerja Emerson, anda bertanggungjawab untuk mengamalkan sikap hati-hati apabila membuka e-mel, membuka pautan (“links”) internet atau dokumen dalam e-mel atau memberikan maklumat semasa membalas e-mel. Sentiasa analisis alamat e-mel penuh penghantar dan menilai susunan kata

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus

dan penampilan keseluruhan e-mel. Jangan buka pautan (“links”) dalam e-mel yang mencurigakan. Hantarkan apa-apa e-mel yang mencurigakan sebagai lampiran kepada phishing@emerson.com.

Satu lagi cara sistem IT Emerson terdedah kepada risiko keselamatan adalah dengan memuat turun (“download”) perisian yang tidak dibenarkan dan/atau kandungan yang menyalahi undang-undang daripada laman jaringan seperti laman jaringan pornografi atau perjudian atau melihat kandungan sedemikian daripada peranti kepunyaan Emerson. Aktiviti ini dilarang oleh Dasar Media Elektronik Emerson dan akan mengakibatkan tindakan disiplin dikenakan dan dirujuk kepada penguat kuasa undang-undang tempatan untuk pendakwaan jenayah di mana mungkin atau diperlukan di bawah undang-undang tempatan aktiviti sebegini biasanya boleh dikesan oleh sistem keselamatan IT Emerson.

Privasi dan Perlindungan Data

Adalah penting bagi perniagaan kita untuk melindungi maklumat peribadi pekerja dan pelanggan dan kita perlu mematuhi semua undang-undang privasi dan perlindungan di setiap bidang kuasa undang-undang yang kita beroperasi. Emerson mengamalkan langkah keselamatan IT yang ketat dan tidak menggunakan data pekerja atau pelanggan untuk tujuan yang tidak wajar. Pekerja-pekerja yang mempunyai akses kepada data peribadi hendaklah mematuhi dasar Keselamatan IT dan Perlindungan Data Emerson, peraturan kerahsiaan dan keperluan undang-undang.



Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus

**Pekerja-pekerja
tidak boleh
mengambil atau
memberikan
harta intelek
Emerson tanpa
kebenaran.**

Kerahsiaan dan Harta Intelek

Pekerja, pegawai dan pengarah Emerson harus mengekalkan kerahsiaan semua maklumat yang dipertanggungjawabkan kepada mereka oleh Emerson atau pelanggan atau rakan kongsi perniagaannya kecuali apabila pendedahan dibenarkan atau diberi mandat mengikut undang-undang. Maklumat sulit termasuk semua maklumat bukan awam yang mungkin berguna bagi pesaing-pesaing atau menjejaskan syarikat atau pelanggannya jika terdedah.

Emerson melindungi harta inteleknya melalui paten, hak cipta, rahsia perdagangan dan perjanjian kerahsiaan secara kontrak. Pekerja tidak boleh mengambil atau melepaskan harta intelek Emerson tanpa kebenaran. Pada masa yang sama, anda tidak harus mengambil atau menggunakan harta intelek syarikat yang lain dan melanggar undang-undang atau perlindungan secara kontrak. Emerson tidak akan membenarkan kecurian harta inteleknya dan juga dengan sengaja menggunakan harta intelek syarikat di sisi undang-undang lain yang salah.

Perlindungan dan Penggunaan Aset Syarikat secara Wajar

Memastikan penggunaan aset syarikat secara cekap dan melindunginya daripada kehilangan, kecurian dan penyalahgunaan merupakan tanggungjawab setiap pegawai, pengarah dan pekerja Emerson. Semua aset syarikat harus digunakan untuk tujuan perniagaan yang sah sahaja dan aset tersebut tidak boleh dijual, dipinjamkan, dilepaskan atau dilupuskan tanpa kebenaran.

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



Bercakap bagi Pihak Emerson

Sebagai sebahagian
daripada usaha
berterusan kita
untuk mengukuhkan

dan melindungi reputasi Emerson, amat penting bagi syarikat kita untuk berkomunikasi dengan jelas dan secara konsisten dengan pihak awam. Oleh itu, hanya individu tertentu sahaja yang dilantik khas diberi kuasa untuk bercakap bagi pihak Emerson di luar syarikat. Ini termasuk penyiaran ulasan atau kandungan mengenai topik-topik berkaitan dengan syarikat dalam akaun peribadi pada platform media sosial awam (contohnya, Twitter, LinkedIn, Facebook, YouTube, WeChat dll.),

tidak kira tetapan privasi akaun, serta penyiaran ulasan/kandungan dalam forum dalam talian, laman web, blog dan lain-lain.

Berkongsi kandungan awam daripada akaun media sosial yang diuruskan oleh syarikat (contohnya, Twitter, Facebook, LinkedIn, YouTube, WeChat dll.) dan platform digital (contohnya, Emerson.com) dibenarkan dan digalakkan. Latihan dan pendaftaran tidak diperlukan apabila menggunakan laman media sosial bukan awam untuk komunikasi dalaman dan kerjasama dengan rakan sekerja (contohnya, Yammer, SharePoint dll.). Untuk maklumat lanjut tentang dasar kita berkaitan dengan penggunaan media sosial dan digital oleh pekerja, sila hubungi jabatan pemasaran atau jabatan sumber manusia unit perniagaan anda.

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



Kami meminta pekerja untuk mempertingkatkan pemeliharaan alam sekitar dalam operasi kita pada bila-bila masa yang mungkin.

Keselamatan dan Kesihatan

Melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja ialah salah satu nilai teras di Emerson dan bukan sekadar hanya mematuhi kepada undang-undang dan peraturan tetapi lebih dari itu. Unit perniagaan kita dikehendaki memiliki program keselamatan dan kesihatan yang kukuh yang merangkumi keselamatan mesin pengendalian, keselamatan tingkah laku dan tatacara, latihan, audit, tindakan pembetulan, pelaporan dan anugerah. Setiap individu yang bekerja dalam keadaan yang tidak selamat atau dengan cara yang tidak selamat adalah bertentangan dengan dasar kita. Jika anda mempunyai keraguan atau cadangan tentang keselamatan, anda perlu bersuara.

Melindungi Alam Sekitar

Di seluruh unit perniagaan kita, misi teras Emerson ialah untuk memberikan penyelesaian yang membolehkan pelanggan kita beroperasi pada kecekapan dan prestasi yang tertinggi. Kita membantu pelanggan untuk memaksimumkan kebolehpercayaan, mengurangkan kos tenaga, mengautomasi proses dan mengelakkan isu pengendalian yang tidak dijangka. Semua perkara ini sengaja dilakukan untuk kebaikan alam sekitar. Kecekapan tenaga dan pengurangan bahan sisa dalam pengeluaran barangan yang masyarakat perlukan bermakna kesan terhadap alam sekitar dan penggunaan sumber-sumber semula jadi telah dikurangkan. Kecekapan ini baik untuk perniagaan dan ia juga membantu pelanggan-pelanggan kita mempertingkatkan pemeliharaan alam sekitar mereka.

Kita juga bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar di dalam negara yang kita beroperasi dan kita berusaha untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan pembebasan karbon oleh kilang kita. Kami meminta pekerja untuk mempertingkatkan pemeliharaan alam sekitar dalam operasi kita pada bila-bila masa.

Diskriminasi dan Gangguan

Emerson melarang dengan tegas diskriminasi atau gangguan berdasarkan bangsa, warna kulit, agama, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, umur, kurang upaya, negara asal atau apa-apa faktor lain yang menyalahi undang-undang. Kita tidak membenarkan gangguan, pempuluan atau sebarang jenis tingkah laku yang kasar. Jika anda percaya bahawa anda atau sesiapa mengalami

Dasar dan Garis Panduan Emerson yang Khusus



Emerson mempunyai pelbagai tenaga kerja global, tetapi kita sentiasa mencari peluang untuk menambah kepelbagaian itu.

diskriminasi atau gangguan, sila minta bantuan daripada wakil sumber manusia di tempat anda, pegawai etika unit perniagaan anda atau melalui jaringan portal atau talian telefon program etika Emerson.

Kepelbagaian dan Peluang Sama

Keputusan pekerjaan hendaklah berdasarkan semata-mata pada keperluan syarikat, keperluan kerja tersebut dan kelayakan individu. Emerson mempunyai pelbagai tenaga kerja global, tetapi kita sentiasa mencari peluang untuk menambah kepelbagaian itu.

Kita memerlukan bantuan anda untuk melakukannya dengan meluaskan kepelbagaian kumpulan calon, bersikap terbuka dan mesra kepada berbagai-bagai sudut pandangan, sifat dan latar belakang yang berbeza, di samping bertolak-ansur dengan perbezaan tersebut mengikut keperluan.



**Cara
Melaporkan
Keraguan
Etika atau
Pelanggaran
yang Disyaki**



- > Hubungi penyelia/pengurus di tempat anda atau Pegawai Etika unit perniagaan anda
- > Atau layari laman jaringan Pelaporan Etika Emerson dan tampilkan laporan: <http://www.emersoncompliance.com>
- > Atau hubungi Talian Hotline Etika:

Dari lokasi Amerika Syarikat/Kanada **800-893-2525 (panggilan percuma)**

Dari lokasi negara-negara Kesatuan Eropah **001-770-776-5640**

Dari lokasi China **400-12-00955 (panggilan percuma)**

Dari semua negara lain **770-582-5243**

Hubungan anda melalui laman jaringan Pelaporan Etika Emerson atau nombor telefon Talian Hotline Etika boleh dibuat tanpa nama jika anda mahu. Tiada tindakan balas akan dikenakan terhadap mana-mana pekerja kerana melaporkan pelanggaran yang disyaki atau keraguan.

Pemanggil yang tidak bertutur dalam bahasa Inggeris harus bersabar sementara jurubahasa dijemput untuk menyertai panggilan. Semua laporan/panggilan akan diterima oleh sebuah syarikat lain yang berdikari dan laporan mereka akan dihantar ke ibu pejabat korporat Emerson di St. Louis, Missouri, AS untuk disiasat dan dijawab. Panggilan berkaitan dengan hal-hal Hotline perakaunan, kawalan perakaunan dalaman atau pengauditan akan disemak oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Emerson.

Apa-apa data peribadi yang diberikan melalui prosedur talian penting etika mungkin dipindahkan ke ibu pejabat Emerson di Amerika Syarikat. Mana-mana individu yang dikenalpasti melalui talian Hotline etika mempunyai hak untuk mengakses, membetulkan atau menghapuskan data peribadi yang berkaitan dengan menghubungi Pegawai Etika atau jabatan Sumber Manusia mereka.

Proses talian Hotline etika Emerson yang digunakan di negara-negara Kesatuan Eropah mematuhi prinsip Arahan 95/46/EC Parlimen Eropah dan Majlis bertarikh 24 Oktober 1995 dan Pendapat 1/2006 tentang penggunaan peraturan perlindungan data EU terhadap skim pemberian maklumat dalaman.